



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273  
portal : <http://jpnperak.moe.gov.my>



Ruj.Kami: JPNPk.SPK.KOKU600-3/5/11 Jld 2 ( )

Tarikh: 7 Syawal 1440H  
Jun 2019

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Xused Worlwide Solutions Sdn Bhd,  
No. 1 Jalan Pengaturcara U1/51 A, Seksyen U1,  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

**KEBENARAN MELIBATKAN MURID-MURID SEKOLAH DI BAWAH KAWALAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK DALAM PROGRAM KITAR SEMULA 'XUsed: Learn and Earn 2019'**

Sukacita saya merujuk perkara di atas. Surat tuan, XU/2019/05/15/PPD yang bertarikh 15 Mei 2019 adalah berkaitan.


2. Dengan ini dimaklumkan bahawa jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan menjemput murid di sekolah-sekolah dalam negeri Perak menyertai program tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan hendaklah mematuhi semua peraturan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI), Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kenyataan Media yang sedang berkuatkuasa antaranya:

- 3.1 Semua aktiviti yang dijalankan hendaklah tidak bertentangan dengan dasar kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
- 3.2 Kebenaran pengetua / guru besar sekolah perlu pihak tuan perolehi sebelum menjalankan setiap aktiviti. Pihak tuan perlu melampirkan surat kebenaran ini bersama-sama dengan surat makluman program ke sekolah-sekolah terlibat. Tiada unsur paksaan kepada pihak sekolah, guru dan murid untuk menyertai program ini. Penglibatan murid mestilah mendapat persetujuan bertulis yang ditandatangani ibu / bapa / penjaga yang sah.
- 3.3 SPI Bil. 5/2018 (Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia) dan SPI Bil. 5 / 2016 (Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah) berhubung urusan penglibatan sekolah dan murid menyertai aktiviti dengan agensi luar.
- 3.4 Tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian. SPI 8/2009 (Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan). Pihak tuan perlu menyediakan pasukan pertolongan cemas yang bertauliah di lokasi bersesuaian.
- 3.5 Semua implikasi kewangan ditanggung sepenuhnya oleh pihak tuan dengan tidak melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan murid. Pihak penganjur hendaklah menyediakan kemudahan pengangkutan, penginapan, bekalan air dan makanan yang mencukupi kepada semua murid dan guru yang terlibat sepanjang program berlangsung.
- 3.7 Pergerakan murid mesti diiringi oleh guru pengiring dan perlu berada di lokasi murid sepanjang program berlangsung. SPI 9 / 2000 (Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah).

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)



- 3.8 Peserta program hendaklah sihat tubuh badan. Semua pihak diminta memastikan setiap murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful. SPI 9 / 2000 (Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah).
- 3.9 Penglibatan guru tertakluk kepada SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah) atau SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah) berhubung peruntukan waktu PdP mengikut jam kredit setahun.
- 3.10 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan mana-mana pihak.
- 3.11 Segala urusan, surat-menyurat / dokumentasi / pendaftaran dan sebagainya adalah diuruskan oleh pihak tuan tanpa melibatkan guru-guru, murid-murid dan kakitangan sekolah berkaitan.
- 3.12 Penggunaan logo jabatan ini adalah tidak dibenarkan pada mana-mana penerbitan pada poster, *bunting*, kain rentang, buku aturcara, buku program dan semua bahan bercetak.
- 3.13 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan pekeliling serta dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
- 3.14 Tiada sebarang pengiktirafan untuk markah kokurikulum peringkat daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa bagi program ini.
- 3.15 Pihak tuan perlu membuat permohonan rasmi bagi tujuan tersebut sebaik selesai program dengan melampirkan laporan bertulis ke jabatan ini dalam masa **30 hari** dari tarikh program berlangsung untuk pengiktirafan peringkat daerah / negeri.

4. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada perincian maklumat berikut seperti yang dinyatakan dalam surat permohonan sahaja dan akan luput selepas tarikh 22 November 2019. Ia akan terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan pada syarat yang ditetapkan.

Tarikh	:	17 Jun – 22 November 2019
Masa	:	8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat	:	Sekolah-sekolah dalam negeri Perak

5. Sebarang pertanyaan, hubungi pegawai di Unit Kokurikulum, JPN Perak di talian 05-5015155 / e-mel: kokurikulum.perak@yahoo.com.my

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MAT JAAPAR BIN MAT ZAIN, PPT.)**  
**Ketua Sektor**  
**Sektor Pembangunan Kemanusiaan**  
**b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.**

- s.k
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
  2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak